

22/03/2003

PM ajak pembangkang bersatu

Kadir Dikoh; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak semua parti pembangkang di negara ini bersatu hati dengan kerajaan dalam menyuarakan pendirian Malaysia menentang serangan Amerika Syarikat dan sekutunya terhadap Iraq serta menentang hasrat membunuh Presiden Iraq, Saddam Hussein.

Perdana Menteri berkata, satu usul berhubung perkara itu akan dibentangkan di Dewan Rakyat yang sedang bersidang sekarang dan perbincangan mengenai akan juga diadakan.

"Kita berpendapat dalam perkara ini tidak harus ada perbezaan pendapat atau pendirian antara kerajaan dengan parti pembangkang. Kita perlu bersatu hati. Walaupun kita mempunyai perbezaan dalam hal lain tetapi dalam perkara ini kita perlu bersama menentang serangan terhadap Iraq.

"Kita akan mengadakan satu usul di Dewan Rakyat berkenaan masalah ini dan saya harap perbincangan akan tertumpu semata-mata kepada masalah ini, tidak dicampuradukkan dengan perkara lain.

"Tujuannya ialah untuk menentukan pendirian rakyat Malaysia daripada semua parti berhubung apa yang telah dilakukan terhadap Iraq, khususnya penentangan kita terhadap perang dan kita tidak setuju dengan serangan terhadap Iraq serta tujuan membunuh Presiden Iraq," katanya.

Beliau yang kini bercuti berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di sini, petang semalam.

Dr Mahathir turut menjelaskan bahawa beliau hadir pada mesyuarat itu atas jemputan dan walaupun mahu menghadirinya sebagai ahli biasa, timbalannya yang kini memangku semua jawatannya ketika beliau bercuti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, meminta supaya beliau mempengerusikan mesyuarat semalam.

"Kelmarin saya balik daripada luar negeri. Sepatutnya saya tidak mempengerusikan mesyuarat MT pada hari ini (semalam) tetapi semasa saya berjumpa Abdullah, saya diberitahu bahawa hari ini ada mesyuarat MT dan dia minta saya hadir.

"Mula-mula saya nak hadir sebagai ahli biasa. Beliau minta saya menjadi pengerusi. Ini tak ada masalah antara saya dengan dia. Jangan pula cerita saya datang balik ambil alih (mempengerusikan mesyuarat) kerana saya tidak percaya beliau," katanya.

Mesyuarat MT itu membincangkan nasib rakyat Iraq sama ada mereka Islam atau bukan Islam serta mereka yang menjadi perisai manusia agar tidak menjadi mangsa tindakan Amerika.

Perdana Menteri berkata, MT Umno berpendapat yang utama sekali perlu dilakukan oleh Malaysia dalam menghadapi situasi berkenaan ialah menentukan kestabilan negara dan berpendapat tidak harus ada perbezaan pendapat atau pendirian antara kerajaan dan pembangkang dalam menentang serangan berkenaan.

Selain itu, katanya, kerajaan akan mengambil tindakan bagi memastikan

harga barangan tidak naik dan bekalan barangan keperluan juga mencukupi.

"Kita juga akan meminta supaya tidak ada tindakan tidak bertanggungjawab

di mana-mana pihak. Kalau mereka mengadakan demonstrasi pun ia hendaklah teratur dan kita akan berusaha supaya ekonomi kita tidak terjejas kerana perang di Iraq ini.

"Dalam masa sama kita juga akan menyelamatkan rakyat kita yang terdedah kepada perang dan membawa mereka balik, selain mengkaji kemungkinan memberikan pertolongan dengan menghantar bekalan makanan atau apa juga cara yang kita boleh tolong orang yang menjadi mangsa serangan berkenaan," katanya.

Ditanya kesan segera terhadap Malaysia ekoran serangan terhadap Iraq, Dr

Mahathir berkata, tidak ada kesan segera kecuali kemungkinan mereka yang berhasrat melawat negara ini akan menanggungkannya.

Dari segi kenaikan harga barangan, beliau berkata, insurans pengangkutan

akan naik dan ia memberi kesan kepada barangan import dan eksport.

Kerajaan akan mengkaji perkara itu serta mencari jalan untuk mengatasinya.

Ditanya apakah harga minyak juga akan naik, beliau berkata, perkara itu

sukar diramal kerana bila orang ingat harga naik ia akan turun kerana adanya politik harga minyak.

Mengenai pasaran saham, beliau berkata: "Pasaran saham adalah sesuatu yang saya tidak faham. Tanya orang lainlah".